



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI

## SIARAN MEDIA

### **KUSKOP BANTU 5 SYARIKAT MALAYSIA RAIH PERJANJIAN DI ARAB SAUDI BERNILAI RM2 BILLION**

**PUTRAJAYA, 11 FEBRUARI**– Lima buah syarikat Malaysia iaitu Jaman Tory Group Sdn Bhd, A&A Empire Sdn Bhd (Bokitta), Agro 19 Berhad, Ramly Food Processing Sdn Bhd dan Ayamas Integrated Poultry Industry Sdn Bhd, bakal memuktamadkan urusan niaga bersama rakan niaga masing-masing di Mekah dengan jumlah keseluruhan nilai hampir RM2 bilion sempena Makkah Halal Forum 2026 yang akan berlangsung dari 14 hingga 16 Februari di Arab Saudi.

Menurut Steven Sim Chee Keong, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi: "Ini bukan setakat pergi buat pameran dan penerokaan, tapi buat pertama kalinya, KUSKOP melalui Bank Rakyat melaksanakan program bimbingan dan pengupayaan ("hand holding") memadankan perniagaan Malaysia dengan pasaran export sehingga berjaya."

Program kali ini berjaya membantu syarikat Malaysia merealisasikan potensi nilai jualan yang bernilai hampir RM2 bilion melalui platform tersebut.

Beliau turut menekankan bahawa Arab Saudi yang menerima kira-kira 30 juta pelawat antarabangsa setiap tahun merupakan pasaran strategik dan pintu masuk penting untuk memperkenalkan produk serta jenama Malaysia kepada komuniti global khususnya dalam ekosistem halal yang berkembang pesat.

Bank Rakyat sebagai agensi di bawah KUSKOP menyokong inisiatif ini melalui penyediaan kemudahan pembiayaan bagi memperkukuh keupayaan kewangan syarikat terlibat di dalam melaksanakan pengembangan pasaran perniagaan masing-masing ke Timur Tengah. Kelima-lima syarikat ini juga merupakan pelanggan sedia ada di dalam ekosistem Bank Rakyat dan dipilih berdasarkan tahap kesiediaan eksport serta potensi pertumbuhan di peringkat antarabangsa.

Program rintis ini akan diteruskan dalam membimbing PMKS Malaysia yang lain untuk menembusi pasaran domestik dan luar negara sejajar dengan Strategi ABCD yang diperkenalkan oleh YB Menteri.

**Hebatkan Perniagaan Malaysia!**

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI  
11 FEBRUARI 2026**